

# ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



SEPTEMBER 2019



# مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan


- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**



## DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

### DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

### DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

### DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Rekaletak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas  
Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Isi Kandungan Muka

Tingkatkan semangat kenegaraan pelajar JIS	1 - 2
Program Awasi Anak Kitani	2
Tambah ilmu melalui PMB	3 - 4
Program Penempatan Penterjemah (TIP) Kali Ke-4	4
PMB fokuskan perpaduan masyarakat, keusahawanan	5 - 6
Program Rakan Remaja Penerangan (RRP)	7
Bahagian Pelita Brunei, Unit Fotografi terima pelawat	8
Unit Terjemahan	8
Skin Bermaklumat	9
Awasi anak dari gejala negatif	9 - 10
PMB usaha jadikan masyarakat kaya ilmu	10
Ketahui peranan masyarakat dalam mencapai Wawasan Brunei 2035	11
Sayur daun dan kunyit antara tanaman berpotensi diusahakan	12
Ketahui fungsi, peranan Bahagian Pelita Brunei	13
Taklimat Kenegaraan semai jiwa patriotik pelajar	13 - 14
Perlu fahami falsafah, aspirasi dan matlamat negara	14
Kerja berkumpulan uji ketahanan mental, fizikal	15
Perlu berani buat keputusan	15 - 16
Ketahui tanggungjawab menjayakan Wawasan Negara 2035	16 -17
Tingkatkan pengetahuan hal ehwal perniagaan	17
Manfaatkan ilmu, lakukan perkara berfaedah	18
Hadiri taklimat makanan halal	18 - 19

## Tingkatkan semangat kenegaraan pelajar JIS

Oleh: Khartini Hamir \ Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



*YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan berangkat bagi sama-sama mendengarkan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.*

**T**UNGKU LINK, Isnin, 16 September. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, bertempat di Bilik Perkumpulan S21, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Berkenan berangkat bagi mendengarkan taklimat ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Seramai 48 penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan hadir mendengarkan taklimat tersebut.

Juga hadir semasa program tersebut, Head of Middle Years, Mr. Richard Bourbon dan tenaga pengajar sekolah.

Pada taklimat itu juga para penuntut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' juga klip video Aplikasi Mudah Alih 'InfoDeptBN'.

Para penuntut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai dan meningkatkan ketaatsetiaan terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.



*SESI Kuiz Kenegaraan pada Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.*

Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan setakat ini mengendalikan Taklimat Kenegaraan lebih daripada 30 buah sekolah menengah kerajaan juga swasta di Daerah Brunei dan Muara yang dikhususkan bagi penuntut-penuntut Tahun 7.

*PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan taklimat.*



## Program Awasi Anak Kitani

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**P**rogram Awasi Anak Kitani (AAK) merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan yang dirancang diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah bagi memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga.

Sebagai salah sebuah agensi kerajaan, Jabatan Penerangan turut bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas untuk membangun negara.

Program yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan ini turut mendapat kerjasama dari berbagai agensi seperti Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendiri Berhad dan sebagainya.



*SALAH satu program Awasi Anak Kitani yang pernah diadakan dengan menghususkan kehadiran orangtua atau penjaga kanak-kanak.*

Program tersebut dihasratkan dapat mewujudkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah, serta untuk memberi maklumat tentang keburukan dadah sekali gus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini.

Perkara utama dapat membantu pihak kerajaan dalam membanteras

gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia bermula dari rumah dengan kasih sayang dan perhatian ibu bapa juga menjadi tanggungjawab mereka, memastikan segala aktiviti dan apa jua kegiatan belia di luar rumah adalah aktiviti sihat dan bermanfaat.

Program turut disajikan dengan pameran-pameran dari BKN termasuk risalah terbitan JKDN dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan.

## Tambah ilmu melalui PMB

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Bin Haji Ali



PARA peserta program semasa bergambar ramai bersama rombongan Jabatan Penerangan.

**TEMBURONG,** Rabu, 4 September. – Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Masyarakat Berkemaklumat bersama penduduk Kampung Rataie, Mukim Bokok yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Program yang diadakan selama dua hari tersebut disertai oleh 23 orang penduduk kampung berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim dan disertai oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Pengerusi Program; Pemangku Ketua Kampung Rataie, Awang Haji Moslim bin Haji Salleh; juga pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan.

Acara dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat, dipimpin oleh Imam Balai Ibadat

Kampung Semabat, Awang Moxsin bin Mohd. Karim.

Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku pengerusi majlis, dalam ucapannya antara lain menerangkan mengenai hala tuju program tersebut yang merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan.

Pada program tersebut para peserta juga diperdengarkan taklimat yang bertajuk 'Keusahawanan : Tanaman Hidroponik' dari Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, disampaikan oleh Penolong Pegawai Pertanian, Awang Tay Ching Mong dan diikuti taklimat kedua bertajuk 'Konsep Makanan Halal Dalam Islam' dari Jabatan

Hal Ehwal Syari'ah, disampaikan oleh Pegawai Ugama, Hajah Noorimah binti Haji Abd. Hamid .

Wakil Jabatan Radio Televisyen Brunei turut menyampaikan taklimat bertajuk 'Sistem Siaran Digital' yang disampaikan oleh Juruteknik Pemeliharaan, Awang Haji Anuar bin Haji Anggas,

Semasa program berlangsung para peserta juga akan berpeluang membuat lawatan ke RZ Prisma Enterprise, Ladang RZ Prisma, Kilanas-Sengkurong; Royal Brunei Catering Sdn. Bhd., Gadong; dan Radio Televisyen Brunei, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan pada 5 September 2019.



PEMANGKU Ketua Kampung Rataie menyampaikan cenderahati kepada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat semasa mengadakan lawatan ke studio radio rangkaian nasional Radio Televisyen Brunei pada 5 September.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat semasa melawat ke Perusahaan RZ Prisma Enterprise di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kilanas, Pusat Penyelidikan Pertanian, Brunei pada 5 September.

## Program Penempatan Penterjemah (TIP) Kali Ke-4

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Inggis I

**P**rogram Penempatan Penterjemah (TIP) Kali Ke-4 yang berlangsung di Republik Singapura selama enam hari pada 16 hingga 21 September 2019 merupakan kesinambungan TIP Kali Ke-3 yang berlangsung di Brunei Darussalam pada tahun lepas yang dihadiri oleh pegawai dari Jabatan Terjemahan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan Singapura, Syazwani binti Ismail selama tujuh hari pada 24 hingga 30 September 2018.

TIP merupakan salah satu projek di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang dipersetujui untuk diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran penterjemah kedua-dua buah negara melalui penempatan kerja dan menghadiri kursus.

Melalui penempatan tersebut, para peserta juga dapat mempelajari metodologi penterjemahan yang dilakukan di kedua-dua buah negara di samping dapat mewujudkan rangkaian kerjasama di masa akan datang.

Dua pegawai dari Jabatan



PARA peserta dari Jabatan Penerangan bersama Encik Palaniappan (kanan), Encik Mohd Isa Haron (kedua, kiri) dan Veera Selvam (kiri) semasa lawatan ke Parlimen Singapura.

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengikuti TIP Kali Ke-4 2019, iaitu Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman, Pegawai Penerangan dan Nor Hanizah binti Haji Abd Halim, Penolong Penyunting Tingkat 1.

Sepanjang enam hari di Republik Singapura, penempatan dibuat di beberapa buah agensi kerajaan dan swasta iaitu MCI Translation Department, Singapore University of Social Sciences (SUSS), Malay Heritage Centre, National Library Singapore (NLS), Mediacorp, Lee Kuan Yew (LKY) Fund for Bilingualism Programme Office, Berita Harian (BH) dan Parlimen Singapura.

Melalui TIP Kali Ke-4 ini, ianya memberi pendedahan yang positif kepada peserta program, yang mana para peserta didedahkan bagaimana Republik Singapura menonjolkan kepentingan cara penterjemahan dalam mempromosikan penggunaan pelbagai bahasa dalam kalangan kumpulan umur yang berbeza di Republik Singapura.

Para peserta juga kagum dengan inovasi yang dipamerkan seperti Singapore Government Translated Terms Website dan Resource Panels. Inovasi tersebut sangat bermanfaat dan dapat meningkatkan kemahiran peserta Negara Brunei Darussalam.

# PMB fokuskan perpaduan masyarakat, keusahawanan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



*PENDUDUK Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan dan Kampung Pekan Seria bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.*

**D**AERAH BELAIT, Rabu, 11 September. – Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Belait menganjurkan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) selama dua hari bagi Penduduk Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan dan Kampung Pekan Seria.

Program dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang dan Pemangku Penghulu Mukim Kuala Belait.

Program yang berlangsung di Dewan Jabatan Daerah Belait, Pekan Seria tersebut di sertai oleh 63 Penduduk Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan dan Kampung Pekan Seria.

Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, selaku Pengerusi PMB tersebut



*ASP Hajah Nur Amni Alyani binti Haji Abdul Rahman semasa mengongsikan tatacara melaporkan isu keganasan dan penderaan rumah tangga kepada peserta program.*

dalam ucapannya menerangkan bahawa program berkenaan akan memfokuskan kepada dua tema yang penting iaitu Keutuhan Masyarakat dan Keusahawanan iaitu dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan 2035 yang termasuk kemajuan ekonomi yang mampu berdaya saing.



*PENOLONG Pegawai Narkotik, Pengiran Md Nuh bin Pengiran Mohamad semasa menyampaikan taklimat bertajuk 'Taktik dan Sindiket Dadah Antarabangsa' pada program tersebut.*

Antara perisian PMB di hari pertama termasuklah beberapa siri taklimat dari berbagai agensi seperti dari Jabatan Penerangan; Al Huffaz Management; Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pasukan Polis Diraja Brunei dan Biro Kawalan Narkotik.

Manakala pada hari kedua



para peserta dijangka akan berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke beberapa tempat yang memfokuskan kepada keusahawanan di Kampung Jerudong dan perusahaan pertanian dan agrimakanan di Stesen Kemajuan Pertanian Birau, Tutong.

*SALAH* seorang peserta program semasa mengajukan beberapa persoalan pada program tersebut.



*PENYELARAS* Projek Syarikat K N Nursery (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Jamalludin bin Haji Yusoff semasa memberikan taklimat dan penerangan mengenai perkhidmatan yang terdapat di Rimba Garden Central (RGC) Kampung Rimba pada 12 September.



*PEGAWAI* Projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Awang Ahmad Fazil bin Zakaria semasa menyampaikan taklimat kepada peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong Tiga Selatan, Seria dan Kampung Pekan Seria pada 12 September .



*PESERTA* Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan, Seria dan Kampung Pekan Seria semasa mengunjungi Wan Chin Agricultural Farm Sdn. Bhd. pada 12 September yang terletak di Kampung Pad Nunok.

# Program Rakan Remaja Penerangan (RRP)

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**P**rogram Rakan Remaja Penerangan merupakan salah sebuah program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan di bawah kendalian Unit Kenegaraan dan Hubungan Masyarakat.

Program ini dilancarkan pada 1 April 2008 sempena ulang tahun penubuhan Jabatan Penerangan yang Ke-56 yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan waktu itu, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni di Dewan Pengiran Setia Negara.

Sebenarnya program ini sudah pun bermula sejak tahun 2006. Pada ketika itu ianya dikenali dengan nama program Pendidikan Masyarakat (PENDIMAS). Melalui 'pilot project', sebanyak empat persembahan telah diadakan di empat buah sekolah yang dipilih.

Melihat akan sambutan yang menggalakkan dan menerima maklum balas positif dari program yang telah dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan, maka lahirlah RRP sebuah program 'infotainment' pendidikan yang lebih fokus menjurus kepada sasarannya iaitu remaja di peringkat sekolah.

## Format persembahan

Bagi memenuhi matlamat yang dihasratkan, Jabatan Penerangan selaku pihak penganjur dan penyelaras memerlukan kerjasama pihak sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta artis-artis tempatan bagi menjayakan RRP. Antara acara perisian program ini dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'. Mesej dan info semasa



*PERSEMBAHAN lawak jenaka merupakan salah satu segmen yang ada pada Program Rakan Remaja Penerangan yang dikendalikan secara terpinpin dengan menyelitkan nilai-nilai positif.*

disampaikan secara live menerusi beberapa pengisian segmen seperti taklimat kenegaraan, geraklaku drama, lawak jenaka, kuiz dan pameran.

Pendekatan dalam bentuk persembahan pentas secara langsung diharap akan mampu memberi kesan dan gambaran jelas terhadap perkembangan dan isu semasa yang berlaku sebagai panduan, iktibar dan pengajaran di samping menanamkan nilai-nilai positif kepada masyarakat khususnya di kalangan remaja untuk terus maju, tangkas dan berjaya.

## Tujuan/Objektif:

Antara tujuan program ini diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran sivik dan membangkitkan semangat kenegaraan terutama golongan remaja di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara ke arah pembentukan minda serta moral yang positif dengan mendekati golongan remaja melalui pelbagai kaedah penyampaian seperti Taklimat Kenegaraan, Lakonan, Tarian, Nyanyian dan Hiburan yang terarah / terpinpin yang mana ini akan secara tidak langsung

menjadikan mereka sebagai penyalur maklumat kerajaan kepada rakan-rakan dan lingkungan keluarga mereka sendiri.

## Kesimpulan

Apa yang diharapkan, program RRP ini akan menjadi wadah pembentukan minda dan moral remaja, memupuk semangat patriotisme, semangat kekitaan dan menanamkan nilai-nilai positif. Kerjasama dari beberapa agensi-agensi yang berkaitan termasuk pihak sekolah juga adalah sangat diharapkan demi kelancaran dan kejayaan program ini ke arah melahirkan tunas bangsa berkualiti seiring dengan wawasan negara.

Tunas bangsa yang sihat menggambarkan kecemerlangan masa depan negara. Proses Pembangunan tunas bangsa akan terus menjadi tumpuan dan tanggungjawab bersama. Kebimbangan, hasrat dan harapan ini juga turut dimanifestasikan oleh pemimpin dan Raja yang kita kasihi melalui titah baginda "Jika mereka baik, maka kita bolehlah tersenyum lega, tetapi jika mereka menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya".

## Bahagian Pelita Brunei, Unit Fotografi terima pelawat

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Seramai 20 peserta Bengkel Kewartawanan Sosial Belia ASEAN hari ini mengunjungi Jabatan Penerangan bagi mengetahui latarbelakang serta sejarah dan fungsi Bahagian Pelita Brunei dan Unit Fotografi yang menerbitkan akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei.

Ketibaan rombongan ke Bahagian Pelita Brunei dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya dan beberapa pegawai di bahagian berkenaan.

Rombongan diberikan taklimat mengenai fungsi Pelita Brunei, termasuk kerja-kerja pemberitaan, antaranya membuat liputan berita yang melibatkan keberangkatan kerabat diraja, sama ada dalam mahupun luar negara, berita-berita tempatan serta menyampaikan



*PENOLONG Pegawai Foto Tingkat I, Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor ketika menerangkan mengenai tatakerja Unit Fotografi kepada para pelawat.*

maklumat, aktiviti, dasar kerajaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Para peserta bengkel kemudian dibawa melawat ke Unit Fotografi dan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai unit berkenaan daripada Penolong Pegawai Foto Tingkat I, Awang Haji Ariffin bin

Mohd. Noor.

Awang Haji Ariffin antara lain menerangkan mengenai peranan dan struktur unit 'work flow' bagi jurugambar termasuk pengambilan gambar, penyuntingan dan kapsyen, laman sesawang galeri 'infofoto' dan penyimpanan gambar-gambar liputan.

## Unit Terjemahan

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**U**nit Terjemahan di Jabatan Penerangan terdiri daripada seorang penterjemah kanan, Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan dan dua orang penterjemah, Dayang Hajah Musmariyani binti Haji Mohammad dan Awang Haji Mirazman bin Haji Othman.

Pada awalnya penterjemah di Jabatan Penerangan masing-masing ditugaskan di Unit Penerbitan Inggeris dan di Pelita Brunei. Setelah itu para penterjemah ini digabungkan dan menjadi sebuah unit terjemahan dan dikenali sebagai Unit Terjemahan dan Brunei Report. Setelah itu, unit tersebut dimasukkan ke dalam

Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik sehingga kini.

Tugas penterjemah di Unit Penerbitan dan Seni Grafik (PSG) ialah menterjemah berita-berita jabatan untuk dimasukkan ke dalam laman sesawang Jabatan Penerangan. Juga menterjemah jadual liputan harian untuk dimasukkan ke dalam laman sesawang Jabatan Penerangan. Para penterjemah juga menterjemah berita untuk dimasukkan ke dalam Brunei Darussalam Newsletter dan menterjemah artikel untuk dimasukkan ke dalam Brunei Today.

Sementara itu tugas penterjemah di Bahagian Pelita Brunei pula ialah menterjemah Titah, Sabda dan teks ucapan Menteri dan Timbalan Menteri. Mereka juga menterjemah Siaran Akhbar dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu.



*PENTERJEMAH kanan, Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan semasa melakukan tugas-tugas penterjemahan.*

## Skrin bermaklumat (Mixel)

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**D**alam usaha membarigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini, Jabatan Penerangan mengambil inisiatif dengan menempatkan beberapa buah skrin bermaklumat (mixel) di tempat-tempat strategik di jabatan-jabatan kerajaan, pusat membeli-belah yang menjadi tumpuan orang ramai. Setakat ini Jabatan Penerangan telah menempatkan

lima buah skrin bermaklumat (mixel) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Imigresen, Rimba Point dan KB Sentral.

Skrin bermaklumat ini diharapkan akan dapat memberikan maklumat terkini kepada orang ramai untuk mereka mengetahui info-info terkini.



SALAH satu skrin bermaklumat yang di tempatkan di salah sebuah jabatan kerajaan.

## Awasi anak dari gejala negatif

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani \ Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) anjuran Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa Program AAK dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd. kali ini dilaratkan ke Mukim Lumapas.

Program tersebut dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah serta isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program yang berlangsung di Bilik Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun di sini ialah Pemangku Penghulu Mukim Lumapas selaku Ketua Kampung Lupak Luas / Tarab Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar.

Program memfokuskan kepada mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat



PEMANGKU Penghulu Mukim Lumapas selaku Ketua Kampung Lupak Luas / Tarab Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan.

daerah bagi memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa dan penjaga.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya semasa berucap pada program tersebut mengingatkan para penduduk untuk sentiasa mempraktikkan nilai-nilai dan ajaran-ajaran Melayu Islam Beraja agar tidak mudah terpedaya dengan aktiviti-aktiviti negatif.

Program turut diisikan dengan

taklimat dari Biro Kawalan Narkotik (Pendidikan dan Pencegahan Dadah) disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Pengiran Mohd Nuh bin Pengiran Mohamad.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai keburukan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat selain berkongsi maklumat dalam menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat.

Turut menyampaikan taklimat ialah ITPSS Sdn. Bhd. yang disampaikan

oleh Penganalisis Keselamatan (Security Analyst), Dayang Nomi Hafiz Zakiah binti Haji Pawi yang antara lain menyentuh mengenai ancaman dan jenayah siber termasuk tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi, termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT di kalangan kanak-kanak.

Dengan adanya program ini diharap akan dapat meningkatkan lagi pengawasan anak-anak di mukim dan kampung dan bekerjasama dengan agensi-agensinya yang sentiasa bekerja keras



*PARA penduduk terdiri daripada ibu bapa dan penjaga semasa hadir pada program tersebut bagi sama-sama mendengarkan maklumat yang diberikan dari berbagai agensi.*

untuk mengawal keselamatan dan kesejahteraan dan keamanan membanteras gejala sosial demi negara. kearah keharmonian dan perpaduan masyarakat demi menjaga

## PMB usaha jadikan masyarakat kaya ilmu

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Rabu, 18 September. – Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan diharap akan menjadi landasan yang unggul dalam mempertingkatkan hubungan yang erat dan mesra di antara penduduk kampung dengan Jabatan Penerangan dalam usaha menjadikan masyarakat yang kaya ilmu dan maklumat.

Perkara tersebut disuarakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam di Majlis Pembukaan program berkenaan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong, Kampung Serambangan, di sini.

Jelasnya, harus diingat, pembangunan masyarakat bergantung kepada ilmu dan usaha, maka dengan ini usaha Jabatan



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim hadir pada majlis tersebut.*

Penerangan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat adalah sangat penting dan hasrat ini dapat dicapai melalui sesi-sesi yang dikendalikan oleh penceramah-penceramah dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Seramai 49 penduduk Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal Mukim Keriam menyertai PMB selama sehari itu.

Program tersebut diungkapkan oleh Jabatan Penerangan

melalui Cawangan Penerangan Tutong dengan kerjasama Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi, dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

# Ketahui peranan masyarakat dalam mencapai Wawasan Brunei 2035

Oleh: Haniza Abdul Latif \ Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



*PARA penduduk terdiri daripada ibu bapa dan penjaga semasa hadir pada program tersebut bagi sama-sama mendengarkan maklumat yang diberikan dari berbagai agensi.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Para penduduk Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) hari ini mengadakan lawatan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Perusahaan RZ Prisma di Kilanas.

Semasa di JPM, para peserta telah mendengarkan taklimat mengenai Peranan Masyarakat dalam Mencapai Wawasan Brunei 2035, disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, JPM, Dayang Amalina binti Haji Awang Tengah.

Taklimat antara lain menerangkan tentang pengenalan dan kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 juga peranan daripada pihak masyarakat.

Para peserta kemudiannya

meneruskan Lawatan ke Perusahaan RZ Prisma di Kilanas, di mana mereka telah diberikan taklimat mengenai latar belakang syarikat dan jenis-jenis tanaman disampaikan oleh Pengurus Besar, Perusahaan RZ Prisma, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail yang turut

mengongsikan pengalaman dalam mengusahakan ladang berkenaan.

Ladang Perusahaan RZ Prisma, di Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas menanam sayur-sayuran menggunakan sistem rumah terlindung (Greenhouse), Hidroponik dan Sistem Bertingkat (Vertical Farming).



*PARA peserta PMB yang terdiri daripada penduduk Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam semasa mendengarkan taklimat di Jabatan Perdana Menteri mengenai Peranan Masyarakat dalam Mencapai Wawasan Brunei 2035.*

## Sayur daun dan kunyit antara tanaman berpotensi diusahakan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid \ Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



*PESERTA PMB bagi Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal Daerah Tutong semasa mendengarkan taklimat Konsep Makanan Halal Dalam Islam yang diadakan di Jabatan Penerangan.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Keriam dan Kampung Bukit Panggal Daerah Tutong didedahkan mengenai Industri Tanaman dan Keusahawanan serta Konsep Makanan Halal Dalam Islam iaitu dalam dua sesi taklimat yang berasingan yang diadakan di Jabatan Penerangan.

Mengenai Industri Tanaman dan Keusahawanan, taklimat disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar yang antara lain menyentuh mengenai tatacara membuka perusahaan pertanian dengan bijak sama ada secara perseorangan atau berkumpulan selain mengongsikan tip usahawan pertanian yang bermula secara kecil-kecilan tanpa pinjaman dan bekerjasama dengan rakan strategi.

Menurut beliau antara tanaman yang sesuai ditanam ialah seperti sayur daun, kunyit, tebu, jagung dan juga tanaman hiasan seperti bunga orkid dan mawar.

Dalam taklimat mengenai Konsep Makanan Halal Dalam Islam pula telah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Nurrawiah Haziyah binti Jumat.

Dalam taklimat tersebut beliau turut menerangkan mengenai peranan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)

dan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) selaku urus setia atau sekretariat kepada MUIB dalam perkara berkaitan dengan Halal.

Beliau turut mengongsikan secara ringkas berkaitan tugas dan tanggungjawab BKMH yang antaranya menjalankan proses pengiktirafan di bawah bidang kuasa Akta Daging Halal, Penggal 183 seperti proses pengiktirafan Halal MUIB, proses permit import daging halal dan logo halal dan proses mendapatkan lesen pembekal.

Turut disentuh ialah Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005, iaitu proses mendapatkan sijil halal, restoran, 'food court' serta proses mendapatkan permit halal, produk makanan dan bukan makanan; dan Akta Daging Halal, Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 - operasi / pemeriksaan seperti permit perniagaan penyediaan makanan.

PMB antaranya bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat juga lawatan-lawatan dengan harapan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat ke arah terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

## Ketahui fungsi, peranan Bahagian Pelita Brunei

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad \ Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri hari ini menerima lawatan daripada serombongan pelajar Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Rombongan diketuai oleh Guru Pengawas Badan Bahasa dan Sastera pusat berkenaan, Dayang Suziah binti Awang Haji Md. Yussof bersama tujuh pelajar.

Rombongan dialu-alukan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani, dan Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar, masing-masing selaku Ketua Meja, Seksyen Berita yang seterusnya menyampaikan penerangan mengenai Pelita Brunei.

Semasa lawatan, rombongan mendengarkan penerangan mengenai proses kerja penerbitan Pelita Brunei; laman sesawang Pelita Brunei yang memuatkan berita terkini setiap hari; ruang-ruang yang terdapat di dalam Pelita Brunei, yang terbuka kepada penyertaan orang ramai atau pembaca seperti Minda Pembaca, Alai Pintar dan Apa Pendapat Biskita.

Selain mendengarkan taklimat, rombongan juga menyaksikan tayangan video mengenai proses kerja penerbitan Pelita Brunei yang bermula daripada



TENAGA pengajar serta pelajar dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong ketika menyaksikan pameran kompilasi Pelita Brunei.

liputan acara oleh pemberita, penggambaran oleh juru foto, penyuntingan, penyemakan, reka letak sehinggalah ia selesai untuk proses percetakan, di mana melalui tayangan video ini dihasrat memberikan gambaran lebih jelas tentang proses penerbitan Pelita Brunei.

Lawatan sambil belajar ini, antaranya bertujuan untuk mendedahkan para pelajar secara lebih dekat mengenai fungsi dan tanggungjawab Bahagian Pelita Brunei sebagai sumber maklumat sah kepada orang ramai juga ingin mempelajari tentang pengumpulan bahan terbitan dan proses penyuntingannya.

## Taklimat Kenegaraan semai jiwa patriotik pelajar

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan \ Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Seri Mulia Serjana, Jalan Gadong.

Taklimat dihadiri oleh tenaga pengajar serta penuntut-penuntut tahun 7 sekolah berkenaan seramai 165 pelajar.

Taklimat antara lain bertujuan untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja,



PENOLONG Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan. Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Seri Mulia Serjana.

bendera Negara dan lagu kebangsaan.

Program juga merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-

kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Semasa program tersebut para pelajar juga disajikan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' selain berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

## Perlu fahami falsafah, aspirasi dan matlamat negara

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad \ Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim bergambar ramai bersama para peserta program.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 September. Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menganjurkan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Ke-3 2019 bermula hari ini sehingga 4 Oktober 2019.

Program tersebut disertai oleh 36 peserta, iaitu lima peserta lelaki dan 31 peserta perempuan terdiri daripada lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, majlis pendaftaran dan taklimat mengenai program berkenaan telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, di sini.

Majlis dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi PSLI Kali ke-3 Tahun 2019; ibu bapa para peserta dan ahli-ahli jawatankuasa program tersebut.

Awang Haji Shahrul Jeffri dalam ucapannya antara lain menerangkan bahawa para peserta perkampungan sivik lepasan ijazah adalah bakal pemimpin yang

akan menjadi penggerak pembangunan bangsa dan negara selain beliau juga mengingatkan mereka agar mempertingkatkan keupayaan diri bagi persiapan dalam menempuh alam pekerjaan.

Awang Haji Shahrul Jeffri seterusnya berkata adalah diharapkan agar segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang perkampungan sivik ini digunakan sepenuhnya untuk menjadi ejen masyarakat dan lebih penting lagi bagi peserta, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap.

Majlis diteruskan dengan taklimat mengenai Program Perkampungan Sivik pula disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Setiausaha Bersama PSLI Kali ke-3 Tahun 2019.

Sejurus selepas majlis pendaftaran, para peserta perkampungan beredar ke Pusat Belia, Bandar Seri Begawan bagi mengikuti beberapa aktiviti yang telah disusun pada hari pertama program dijalankan iaitu 'Ice-Breaking' dan 'Team Building' yang dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) serta aktiviti berkumpul yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan.

## Kerja berkumpulan uji ketahanan mental, fizikal

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman \ Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga tahun 2019 semasa menyertai sesi aktiviti kerja berkumpulan.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 September. – Para peserta yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi tahun 2019 mengikuti sesi ‘Ice Breaking’ dan aktiviti kerja berkumpulan (Team

Building) yang diadakan di Pusat Belia.

Aktiviti dikendalikan oleh Jurulatih dari Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Awang Abdullah bin Haji Idris serta tiga orang Pegawai OBBD dihasrat

untuk mewujudkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan yang cemerlang.

Dengan adanya aktiviti tersebut ia juga diharap dapat membantu para peserta program untuk berfikir secara kritis, menyelesaikan sesuatu masalah dan meningkatkan daya tahan mereka di samping untuk melengkapkan diri dengan sifat-sifat tabah, berani, sabar, berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab serta dapat menyesuaikan diri dengan apa jua keadaan dan cabaran kehidupan.

OBBD adalah salah satu agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035 melalui strategi jaminan sosial selaras dengan objektif penubuhannya, iaitu untuk membolehkan para belia membina ketahanan fizikal dan kemantapan mental.

## Perlu berani buat keputusan

Oleh: Khartini Hamir \ Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga Tahun 2019 meneruskan acara mereka dengan mengadakan Sesi Dialog bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan dan para Pegawai Penerangan Kanan yang diadakan di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim semasa Sesi Dialog tersebut turut mengongsikan pengalaman beliau



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi Tahun 2019 semasa Sesi Dialog bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

ketika meninggalkan pekerjaannya yang terdahulu bagi memulakan pekerjaan baharu.

Katanya, untuk mengambil keputusan, beliau memerlukan keberanian dalam membuat keputusan bagi mengejar kejayaan sepertimana yang dikecapinya ketika ini.

Dalam pertemuan tersebut beliau turut memberikan nasihat kepada para peserta agar tidak berputus asa jika belum memperoleh sebarang pekerjaan, malah sebaliknya perlu meningkatkan usaha untuk membantu diri sendiri.

Program Perkampungan Sivik yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan ini dikendalikan sejak



*PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi Tahun 2019 semasa Sesi Dialog bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.*

tahun 1976, yang bukan sahaja tempatan yang belum bekerja memfokuskan kepada lepasan atau yang berminat untuk menjadi ijazah seberang laut, tetapi kini pengusaha. dilaratkan kepada lepasan ijazah

## Ketahui tanggungjawab menjayakan Wawasan Negara 2035

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Dayang Amelina bte Awang Haji Tengah semasa menyampaikan taklimat Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta program.*

**B**ERAKAS, Isnin, 30 September. – Negara Brunei Darussalam menjelang tahun 2035 akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya yang diukur dengan taraf-taraf antarabangsa tertinggi, sesuai dengan wawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu seluruh rakyat dan penduduk negara ini yang merangkumi orang awam, pemimpin akar umbi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sektor Swasta, Sektor Awam, Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dan para peneraju perlulah mempunyai

kesedaran mengenai tanggungjawab masing-masing dalam sama-sama menjayakan Wawasan Negara 2035. Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Dayang Amelina binti Awang Haji Tengah semasa menyampaikan Taklimat Wawasan Brunei 2035 kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga bagi Tahun 2019 di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Katanya, Wawasan Brunei 2035 adalah penting demi generasi pada masa ini dan generasi masa hadapan, di mana ia adalah satu harapan negara untuk mempertahankan kesejahteraan rakyat serta kepada anak-anak bangsa masa kini.

Para peserta program seterusnya mendengarkan sesi taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Dayang Hajah Noorhijrah antara lain mengongsikan tentang tanggungjawab negara kepada rakyat, bermatlamat untuk memberi perlindungan, jaminan dan kesejahteraan, menyediakan kemakmuran juga kebajikan demi menjaga keselamatan, keamanan dan ketenteraman.

Program antara lain bertujuan untuk menjadi salah satu platform ke arah melengkapkan para peserta untuk mampu berdaya saing, mampu menghadapi segala cabaran dan merebut peluang-peluang pekerjaan.

*PENOLONG Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*



## Tingkatkan pengetahuan hal ehwal perniagaan

Oleh: Haniza Abdul Latif \ Foto: Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 menghadiri taklimat mengenai Perniagaan yang diadakan di Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa, di sini.

Taklimat pertama disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Normadinah binti Pengiran Haji Omarali, antara lain menjelaskan mengenai peranan DARE dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), 'start up bootcamp' dan PMKS.

Turut dikongsikan ialah peranan DARE dalam membantu usahawan-usahawan untuk mengendalikan perniagaan mereka.

Para peserta seterusnya mendengarkan taklimat, iaitu sesi perkongsian bersama Pengasas Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan.

Menurut Awang Haji Mohammad



*PENGURUS DARE, Dayangku Hajah Normadinah binti Pengiran Haji Omarali ketika menyampaikan taklimat mengenai peranan DARE dalam pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).*

Loqman Al-Hakim, Al-Huffaz Management adalah sebagai platform untuk orang ramai berhajat untuk mencari guru Al-Quran atau Muqaddam, di samping membantu anak-anak tempatan bekerja sambil sebagai guru mengajar ilmu Al-Quran dan agama dengan cara yang betul, di mana mereka ini mendapat tauliah daripada pihak Majlis Ugama Islam Brunei



*PENGASAS Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan pada sesi perkongsian mengenai Al-Huffaz Management.*

(MUIB).

Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang diadakan selama enam hari bermula pada 29 September hingga 4 Oktober 2019.

## Manfaatkan ilmu, lakukan perkara berfaedah

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



*PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor menyampaikan Ceramah Motivasi kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ke-3 2019.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 September. - Peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ke-3 2019 diingatkan supaya memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dengan melakukan perkara yang mendatangkan faedah sementara

menunggu tawaran pekerjaan.

Perkara tersebut antara yang disentuh oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor semasa menyampaikan ceramah motivasi kepada para peserta program yang

berlangsung di Auditorium, Jabatan Penerangan.

Selain dari memberikan tip menghadapi temu duga, Awang Haji Ali Yusri juga menyarankan para graduan lepasan ijazah untuk mencari tujuan dan hala tuju masing-masing dengan ilmu dan kepakaran yang ada untuk menimba pengalaman bagi meraih keberkatan ilmu tersebut.

Dalam hal tersebut beliau juga turut menekankan pentingnya memperbaiki hubungan kekeluargaan di antara ibu bapa dan anak-anak terutama di zaman serba moden ini.

Memanfaatkan ilmu dalam bidang masing-masing, jelasnya, merupakan salah satu cara untuk membalas jasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang telah membiayai pembelajaran rakyat negara ini dari peringkat rendah hingga peringkat tertinggi.

## Hadiri taklimat makanan halal

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**B**andar Seri Begawan, Sabtu, 28 September. - Beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menghadiri Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal yang dianjurkan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program yang merupakan sesi kedua bagi Jabatan Penerangan itu diadakan di Bilik Kuliah, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama disini.



*SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri program tersebut.*

Taklimat disampaikan Pegawai dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Dayang Hajah Masniah binti Haji Pungut dan di ikuti dengan sesi soal jawab.

Program antara lain bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai mengenai asas dalam penyediaan makanan halal, dan mengongsikan maklumat mengenai prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam serta

penerangan mengenai tanggungjawab individu sebagai pengguna.

Program ini juga diharapkan dapat memberi kemudahan pada orang ramai yang ingin berkecimpung dalam dunia keusahawanan dan pengeluaran produk-produk tempatan.

# BUKU TERBAHARU

## Terbitan Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri

Bagi awda yang ingin membeli buku SABDA 2018, sila datang ke Unit Sokongan, Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas atau di Pejabat-pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait; Daerah Tutong; dan Daerah Temburong.





**BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN**

BAGI awda yang ingin membeli buku-buku terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, sila datang ke:

**Unit Sokongan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas**

atau

**Di Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait,  
Tutong dan Temburong**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

**Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Tel: 2383400, Faks: 2382242  
Pejabat Cawangan Daerah Belait, Tel: +673 3224636  
Pejabat Cawangan Daerah Tutong, Tel: +673 4220290  
Pejabat Cawangan Daerah Temburong Tel: +673 5221342**

SENARAI HARGA BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN  
PENERANGAN UNTUK DIJUAL

- |  |   |   |
|--|---|---|
| <p>1. <b>TITAH 2018 (TERBAHARU)</b><br/>Harga: BND11.00</p> <p>2. <b>SABDA 2018 (TERBAHARU)</b><br/>Harga: BND7.00</p> <p>3. <b>TITAH 1988 – 1989</b><br/>Harga: BND 5.50</p> <p>4. <b>TITAH 1990 – 1991</b><br/>Harga: BND8.00</p> <p>5. <b>TITAH 2009</b><br/>Harga: BND6.00</p> | <p>6. <b>TITAH 2010</b><br/>Harga: BND11.50</p> <p>7. <b>TITAH 2011</b><br/>Harga: BND12.00</p> <p>8. <b>TITAH 2012</b><br/>Harga: BND 7.50</p> <p>9. <b>TITAH 2013 (K)</b><br/>Harga: BND 6.50</p> <p>10. <b>TITAH 2014</b><br/>Harga: BND 6.00</p> <p>11. <b>TITAH 2015</b><br/>Harga: BND 5.00</p> | <p>12. <b>TITAH 1984 - 1987</b><br/>Harga: BND 5.50</p> <p>13. <b>TITAH 2016</b><br/>Harga: BND 4.00</p> <p>14. <b>TITAH 2017</b><br/>Harga: BND 5.00</p> <p>15. <b>SABDA 2012 (W.B)</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>16. <b>SABDA 2013 (K)</b><br/>Harga: BND4.00</p> <p>17. <b>SABDA 2014</b><br/>Harga: BND2.00</p> <p>18. <b>SABDA 2015</b><br/>Harga: BND4.00</p> <p>19. <b>SABDA 2016</b><br/>Harga: BND2.00</p> <p>20. <b>SABDA 2017</b><br/>Harga: BND3.00</p> <p>21. <b>KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011 -2016</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>22. <b>HALUAN 2012</b><br/>Harga: BND23.00</p> <p>23. <b>HALUAN 2015 – 2016 (22 OKTOBER 2015 hingga 31 DISEMBER 2016)</b><br/>Harga: BND12.50</p> <p>24. <b>HALUAN 2015 (1 JANUARI 2015 hingga 21 OKTOBER 2015)</b><br/>Harga: BND10.00</p> |
|  |   | <p>25. <b>HALUAN 2017</b><br/>Harga: BND8.50</p> <p>26. <b>BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2017</b><br/>Harga: BND11.50</p> <p>27. <b>BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2018</b><br/>Harga: BND5.00</p> <p>28. <b>BRUNEI – MUARA DISTRICT</b><br/>Harga: BND4.00</p> <p>29. <b>BELAIT DISTRICT</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>30. <b>TUTONG DISTRICT</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>31. <b>TEMBURONG DISTRICT</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>32. <b>BRUNEI TODAY SEPTEMBER 2017 JUBLI EMAS</b><br/>Harga: BND3.50</p> <p>33. <b>BRUNEI TODAY JUNE 2018</b><br/>Harga: BND2.50</p> <p>34. <b>BRUNEI TODAY SEPTEMBER 2018</b><br/>Harga: BND2.50</p>   |

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**